

Raja gembira perubahan pesat Perlis

Pelabur tempatan, luar semakin minat tanam modal, projek terbengkalai diterus

Oleh Adha Ghazali
adha@bharian.com.my

BH/190510/361/D/Perlis/C

KANGAR: Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail, melahirkan rasa gembira dengan perubahan pesat Perlis yang kini berada di bawah kepemimpinan Menteri Besar, Datuk Seri Dr Md Isa Sabu.

Baginda bertitah demikian berikut: "Kemasukan pelabur sama ada tempatan atau asing yang semakin menunjukkan minat menanam modal di Perlis berdasarkan potensi-nya."

Selain kemasukan pelabur, baginda bertitah, banyak projek pembangunan yang dulunya terbengkalai mula disiapkan. Malah, kini terdapat pula cadangan untuk pembangunan projek baru.

Titahbaginda,pembangunan dan kemudahan bukanlah matlamat utama, sebaliknya hasil atau manfaat yang diperoleh melaluiinya harus dijadikan sasaran utama.

"Justeru, kepemimpinan negeri digesa merancang lebih banyak program atau aktiviti yang dapat memberi manfaat kepada rakyat baik dari segi ekonomi atau sosial, supaya ia tidak sia-sia atau tidak digunakan."

"Malah, peranan perkhidmatan awam selaku penggerak pembangunan dan pemudah cara kepada rakyat dan pelabur harus dipertingkatkan sebagai satu transformasi untuk memastikan gerak kerja dilaksanakan dengan cepat,



SHARIQ SHARIQAN/BERITA-HARIAN

TUANKU Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail dan Raja Perempuan Perlis, Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid bergambar bersama Abdullah dan isteri, Datin Seri Wan Naimah Wan Latif selepas Istiadat Pengurniaan Darjah dan Pingat sempena Keputeraan Raja Perlis ke-67 di Istana Arau.

tepat dan bertanggungjawab.

"Ini penting kerana Beta ingin sekali melihat rakyat Perlis sentiasa hidup dalam keadaan selesa dan harmoni. Justeru, usaha perlu dipertingkatkan oleh kerajaan negeri bagi memastikan rakyat menikmati kesejahteraan," titah baginda sempena istiadat sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan Raja Perlis ke-67 di Istana Diraja Arau, di sini.

Dalam istiadat itu, baginda berkenan mengurniaikan darjah kebesaran dan pingat kepada 40 daripada 364 penerima diketuai Penasihat Agama kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Abdullah Md

G Beta berharap institusi kekeluargaan dan kejiranan dapat diperkuuhkan sebagai benteng utama menangani permasalahan sosial yang berlaku kini"

Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail
Raja Perlis

Zin yang menerima darjah Seri Paduka Mahkota Perlis (SPMP) yang membawa gelaran Datuk Seri.

Terdahulu, Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Syed Sirajuddin Jamalullail turut bertitah menyatakan sokongan dan taat setia mewakili golongan kerabat Diraja terhadap baginda Raja Perlis, sebelum disusuli ucapan sama oleh Md Isa, mewakili rakyat.

Sementara itu, baginda Raja Perlis turut menasihatkan kerajaan negeri supaya tidak lagi bergantung kepada sumber hasil konvensional yang terhad di Perlis. Sebaliknya, lebih usaha dan sumber

ditumpukan kepada sektor perkhidmatan yang mampu memberi kesan berganda kepada ekonomi negeri.

Selain itu, kerajaan negeri juga turut digesa meningkatkan usaha secara berhemah untuk mengutip tunggakan hasil yang terhutang, apakah lagi dalam keadaan negeri yang kecil berbanding negeri lain yang dianggap membawa kesan kepada kewangan negeri, sekali gus membataskan kerajaan melaksanakan program untuk manfaat rakyat.

Baginda Raja Perlis turut menyuarakan rasa khuatir dengan limpahan masalah berkaitan akhlak dan moral di negeri ini, yang secara tidak langsung mencerminkan nilai kekeluargaan serta agama yang semakin terancam.

"Masalah di Perlis tidak lagi tertumpu kepada soal kebajikan dan kemiskinan rakyat kerana program sedemikian sering diutamakan dan banyak dilaksanakan kerajaan negeri. Sebaliknya, perkembangan terbaru amat membimbangkan di mana ia melimpahi kepada perkara berkaitan akhlak dan moral.

"Justeru, Beta berharap institusi kekeluargaan dan kejiranan dapat diperkuuhkan sebagai benteng utama menangani permasalahan sosial yang berlaku kini. Malah, langkah pencegahan awal perlu diambil dengan kadar segera sebelum sesuatu penyakit itu mula timbul, kerana ia adalah penawar paling mujarab," titah baginda.